

Tarikh: 29/09/2023

**Pemberitahuan Awam: RSPO Pernilaian Semula Persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit Sungai Tong, TDM Plantation Sdn Bhd (Nombor Keanggotaan RSPO: 1-0095-11-000-00)**

Kepada Pihak Kepentingan,

Ini adalah untuk memberitahu bahawa Kilang Kelapa Sawit Sungai Tong di bawah Syarikat Induk TDM Plantation Sdn Bhd dengan nombor keanggotaan RSPO (1-0095-11-000-00) telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd ("BSI Malaysia") untuk melaksanakan penilaian Persijilan Semula yang akan dilaksanakan di lokasi Setiu, Terengganu, Malaysia. Pelaksanaan persijilan akan bermula pada 05/11 hingga 09/11/2023 menggunakan persyaratatan standard Malaysia National Interpretation 2019 of the RSPO P&C 2018 . Model rantai bekalan adalah Mass Balance.

Nombor RSPO PO ID untuk Kilang Kelapa Sawit Sungai Tong adalah: RSPO\_PO1000001113

Ditubuhkan pada tahun 1965, TDM Berhad merupakan salah satu sekuriti patuh Syariah yang disenaraikan di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad (dahulunya dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur) di bawah sektor perladangan (sejak 1970). Berikutan kejayaan penstrukturan semula dan hala tuju strategik baharu pada tahun 2000, TDM telah berkembang menjadi pemain terkemuka dalam sektor perladangan kelapa sawit dan penjagaan kesihatan.

Cabang perladangan TDM, TDM Plantation Sdn Bhd (TDMP), ialah pengeluar minyak sawit terkemuka yang berpangkalan di Terengganu, Malaysia, di mana ia mengendalikan 13 ladang kelapa sawit, dua kilang kelapa sawit, dua loji pengkomposan bio dan dua loji biogas. Kumpulan juga memiliki dua ladang, satu kilang kelapa sawit, satu loji biokompos dan satu loji biogas di Kalimantan, Indonesia.

1. Maklumat yang berkaitan dengan data pengeluaran yang akan dinilai adalah sebagai berikut:

Kilang Kelapa Sawit Sungai Tong dan Sumber Pembekal			
<b>Kilang Kelapa Sawit</b>		Kilang Kelapa Sawit Sungai Tong	
<b>Kapasiti KKS (ton/jam)</b>		60 MT/jam	
<b>Alamat / Lokasi</b>		Lot 7663, Batu 23, Jalan Kuala Terengganu-Kota Bharu, 21500 Setiu, Terengganu, Malaysia	
<b>Rujukan GPS</b> (dalam derajat, menit & detik)	<b>Latitude/Garis lintang</b>	005° 18' 29.88" N	
	<b>Longitude/Garis bujur</b>	102° 54' 37.80" E	
<b>Anggaran Tahunan (MT)</b>	<b>Pegeluaran CPO</b>	25,413.86 mt	
	<b>PK</b>	6,272.41 mt	
	<b>FFB/TBS</b>	124,700.00 mt	

2. Maklumat perincian mengenai Sumber Pembekal sebagai berikut:


No.	Ladang / Pekebun Kecil	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Anggaran Keluaran FFB Tahunan (MT)	Status Liability (L/NL)	Tarikh sertai (untuk Petani bebas)
			Latitude / Garis lintang	Longitude / Garis bujur	Jum. kaw. yg akan diperakui	Kawasan ditanam			
1.	Ladang Jaya	Jalan Kuala Terengganu-Kota Bharu, 21500 Setiu Terengganu, Malaysia	005° 23' 43.61" N	102° 53' 03.32" E	3,135.72	2,770.13	54,000.00	NL	N/A

No.	Ladang / Pekebun Kecil	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Anggaran Keluaran FFB Tahunan (MT)	Status <i>Liability</i> (L/NL)	Tarikh sertai (untuk Petani bebas)
			Latitude / Garis lintang	Longitude / Garis bujur	Jum. kaw. yg akan diperakui	Kawasan ditanam			
2.	Ladang Fikri	Jalan Kuala Terengganu- Kota Bharu, 21500 Setiu Terengganu, Malaysia	005° 19' 21.50" N	102° 53' 46.00" E	3,611.02	2,632.62	29,000.00	NL	N/A
3.	Ladang Tayor	Jalan Kuala Terengganu- Kota Bharu, 21500 Setiu Terengganu, Malaysia	005° 15' 58.00" N	102° 53' 26.00" E	2,219.92	1,895.00	20,000.00	NL	N/A
4.	Ladang Pelong	Jalan Kuala Terengganu- Kota Bharu, 21500 Setiu Terengganu, Malaysia	005° 16' 55.56" N	102° 49' 59.52" E	3,012.35	1,121.51	5,000.00	NL	N/A
5.	Ladang Jerangau	Jalan Jerangau, 21810 Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu, Malaysia	004° 57' 41.50" N	103° 09' 47.00" E	1,480.92	1,330.74	5,800.00	NL	N/A
6.	Pinang Emas Estate	Bukit Besi 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia	004° 45' 39.96" N	103° 13' 25.68" E	3,807.06	2,713.57	10,900.00	NL	N/A
<b>TOTAL</b>					<b>17,266.99</b>	<b>12,463.57</b>	<b>124,700.00</b>		

Note: L – memiliki Liability; NL – tidak memiliki Liability

Pembekal Ladang untuk persijilan ini tidak termasuk pengembangan penanaman baru Oleh yang sedemikian, tidak ada proses New Planting Procedure.

### 3. Lokasi Unit Pengurusan



BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan RSPO P&C dan RSPO SCCS pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara

Inggeris. BSI adalah jenama terpercaya di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawaian Nasional UK. BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. mempunyai pejabat gabungan RSPO di Indonesia, Australia, China dan India.

Pasukan Penilaian akan terdiri:

Nama	Peranan / Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohamed Hidhir bin Zainal Abidin	Ketua Pasukan Audit Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rantai bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama 7 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri kelapa sawit, 5 tahun khusus dalam pengilangan kelapa sawit.</li> <li>- Memiliki pengalaman sebagai juruaudit untuk beberapa standard termasuk ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, MSPO dan RSPO di badan pensijilan sebelumnya.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS, Latihan MPOB MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.</li> </ul>
Ahmad Ruffi bin Abu Talib Khan	Ahli Pasukan Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, time bound plan, rantai bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama 2 tahun sebagai juruaudit MSPO di badan pensijilan sebelumnya.</li> <li>- Mempunyai 5 tahun pengalaman dalam industri sawit, khususnya dalam kilang sawit.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, MSPO, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS dan Latihan HCV-HCS.</li> </ul>
Amir bin Bahari	Ahli Pasukan Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan hidup, HCV & perlepasan gas rumah hijau, penambahbaikan yang berterusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah (Kepujian) Kimia, Universiti Sains Malaysia 1985 dan Diploma Palm Oil Milling Tech/Management MPOB 1996.</li> <li>- Mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam pengurusan kilang dan ladang kelapa sawit.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 14001 dan RSPO P&amp;C.</li> </ul>

Sebagai persediaan untuk proses penilaian, pihak berkepentingan yang berkaitan dijemput untuk memberikan input bertulis mengenai penilaian ini dengan memberi komen mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan unit pensijilan. Topik yang mungkin ingin anda komen adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada:

- Perlindungan dan Penjagaan lingkungan hidup
- Hak Asasi Manusia & kebajikan pekerja
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Free, prior and informed consent
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen yang diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan dipertimbangkan dalam Penilaian. Sila sertakan butir-butir berikut sekiranya kami mungkin perlu menghubungi anda untuk mendapatkan penjelasan atau tindakan lanjut mengenai masalah yang dibangkitkan oleh anda.

Nama: ..... Emel: .....  
Jabatan: ..... Nombor telefon: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Skim:**


Dr. Chaiyaporn Seekao  
BSI Services Malaysia Sdn. Bhd.  
Suite 29.01 Level 29 The Gardens North  
Tower, Mid Valley City Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan, Malaysia  
Faks : +603 9212 9639  
Emel : [chaiyaporn.seekao@bsigroup.com](mailto:chaiyaporn.seekao@bsigroup.com)

**DAN / ATAU****Auditee:**

En. Mohd Izwan Haffez bin Che Azmi  
TDM Plantation Sdn Bhd  
Wisma TDM, 443D Jalan Kamaruddin  
20400 Kuala Terengganu  
Terengganu, Malaysia  
Faks : +609 620 4803  
Emel : [izwan.tdmp@tdmberhad.com.my](mailto:izwan.tdmp@tdmberhad.com.my)

Terima kasih dan maklumbalas yang diberikan amat dihargai.

Yang benar,



.....  
Dr. Chaiyaporn Seekao  
Pengurus  
Teknikal & Pematuhan - Makanan (RSPO)